



حَبِّتُكُمْ وَأَنَا كَاتِبُكُمْ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ كَاذِبُونَ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

11 SYAWAL 1443H / 13 MEI 2022M

JANGAN BIARKAN AL-QURAN SUCI DALAM DEBU

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK :

PEGAWAI PENYEMAK :

ADAM BIN ABDUL HAJI
Unit Bakti Hikmah
Bahagian Penyelidikan Dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 10/05/2022

DIBACA PADA : 13/05/2022

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN BIN ALWI
Ketua Pengerusi Pengurusan
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

JANGAN BIARKAN AL-QURAN SUCI DALAM DEBU

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَابِلِ :

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَارَكًا لِيَذَّبَرُوا عَائِيَّتَهُ وَلِيْتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ (s. Sad: 29)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

PARA JAMAAH JUMAAT TETAMU ALLAH YANG MULIA!

Sebaik-baik manusia adalah orang yang dipanjangkan umurnya yang dimanfaatkan untuk meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Oleh itu, sama-samalah kita manfaatkan usia yang masih berbaki ini dengan berusaha meningkatkan ketakwaan pada Allah SWT yakni sentiasa mentaati dan mematuhi perintah serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong di kalangan orang-orang yang bertaqwa. Bersempena dengan Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Negeri Sabah yang akan diadakan pada 15 hingga 18 Mei 2022 di Dewan Masyarakat Tawau, khatib hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk **“Jangan Biarkan al-Quran Suci Dalam Debu”**.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH!

Khatib yakin rata-rata di setiap rumah kita mempunyai sekurang-kurangnya satu mushaf kitab suci al-Quran. Malah ada di antara kita yang memuat turun audio-visual teks al-Quran ke dalam alat peranti atau telefon pintar masing-masing. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada kita mengimani serta mengakui al-Quran sebagai mukjizat agung yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Rasulullah SAW melalui perantaraan malaikat Jibril.

Sebagai mukjizat terulung, al-Quran sememangnya mengandungi faedah dan keistimewaan tertentu. Pembaca dan pengamal segala ajarannya akan mendapat manfaat yang besar daripada Allah SWT. Antara keistimewaan al-Quran itu:

1. Menjadi petunjuk serta panduan bagi orang yang bertaqwa sepertimana dijelaskan oleh Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 2.
2. Menjelaskan perbezaan antara yang benar dan yang salah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185.
3. Sebagai penawar segala penyakit lahiriah dan batiniah seperti yang dirakamkan dalam Surah Fussilat ayat 44 dan Surah al-Israa' ayat 82.
4. Menjadi cahaya dan rahmat kepada orang yang beriman yang membacanya, memahaminya dan mengamalkan segala nasihat dan tunjuk ajar yang diberikan sebagaimana firman Allah dalam Surah Yunus ayat 57.

Pendek kata, al-Quran itu adalah sebesar-besar fadilat dan manfaat bagi umat manusia kerana mengandungi hikmah yang tak terhitung banyaknya sebagaimana dijelaskan Allah SWT melalui surah Luqman ayat 2-3:

تِلْكَ آيَاتُ الْكِتَابِ الْحَكِيمِ ﴿٢٧﴾ هُدًى وَرَحْمَةً لِّلْمُحْسِنِينَ ﴿٢٨﴾

Maksudnya: Ini ialah ayat-ayat Kitab (Al-Quran) yang mengandungi hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh, Menjadi hidayah petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang sedia mengerjakan amal-amal yang baik.

Namun, apa yang mendukacitakan saudara sekalian ialah mushaf-mushaf al-Quran yang dimiliki itu ada yang hanya tersisip di dalam rak buku ataupun terdampar di atas meja terbiar suci dalam debu. Padahal al-Quran adalah kitab untuk dibaca, difahami segala isi kandungannya dan diamalkan segala ajarannya oleh setiap jiwa manusia yang bergelar Muslim. Kefahaman serta pengamalan yang tepat lagi mendalam terhadap isi kandungan al-Quran akan menjadikan seseorang hamba itu bertambah teguh keimanannya kepada Allah SWT.

JAMAAH YANG DIKASIHI ALLAH!

Allah SWT menyebutkan kelebihan mereka yang membaca al-Quran melalui firman-nya di dalam surah Fatir, ayat 29:

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ
تِجَارَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian.*

Sehubungan itu, kita dituntut supaya mempelajari al-Quran, mengajarkannya kepada orang lain dan menjadikannya panduan hidup. Ini selaras dengan statusnya sebagai kalam Allah yang memaparkan segala aspek kehidupan baik daripada sudut akidah, ibadah, akhlak, kisah umat terdahulu dan sebagainya.

Dengan kata lain, meskipun al-Quran merupakan wahyu yang sentiasa dipelihara oleh Allah SWT, namun ia bukanlah alasan untuk mengabaikan tuntutan mempelajarinya dari segala aspek. Tuntutan membaca al-Quran sebagai tuntutan satu dalam lima iaitu baca, faham atau tadabbur, hayati atau amalkan, sampaikan ilmunya dan perjuangkan inti patinya.

Dalam hubungan ini, menjadi tanggungjawab ketua keluarga yakni bapa atau penjaga untuk mengajar al-Quran kepada anak masing-masing sejajar dengan Sabda Nabi Muhammad SAW yang bermaksud:

“Hak seorang anak pada ayahnya adalah nama yang baik, mengajarnya menulis, mengahwinkannya apabila ia sudah cukup umur dan mengajarnya al-Quran.”
(Riwayat Al-Hakim dan Ad-Dailami)

Berdasarkan kepada mafhum sabda Nabi SAW ini, adalah jelas bahawa setiap keluarga Muslim hendaklah menitikberatkan soal pengajian al-Quran.

JAMAAH JUMAAT YANG BIJAKSANA,

Marilah kita sama-sama jadikan membaca al-Quran sebagai amalan harian kerana ia akan datang pada hari kiamat sebagai syafaat kepada pembacanya. Apabila seseorang itu meninggal dunia maka al-Quran yang akan menjadi pembelanya. Jika al-Quran sentiasa dibaca serta dipelajari dan dijadikan panduan hidup, kelak ia akan menjadi hujah dan membela kita di hadapan Allah SWT. Tetapi bilamana al-Quran diabaikan dalam hidup, tidak dipelajari dan tidak dijadikan asas pegangan, maka ia akan menjadi hujah yang akan membuatkan kita di azab oleh Allah SWT di akhirat nanti.

Selaras dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Malik Al-Harith bin 'Asyim Al-Ash'ari bahwa Nabi SAW bersabda, maksudnya:

"Al-Quran ialah hujah bagimu (membelamu) atau hujah ke atasmu (yang membinasakanmu)." (H.R. Muslim)

Oleh itu, mari kita semarakkan semangat cintakan al-Quran ke dalam keluarga dan masyarakat dengan mengimarahkan bersama majlis-majlis ilmu yang berkaitan dengannya sama ada secara formal ataupun tidak formal. Sesungguhnya mengambil cakna atau mengambil berat perihal al-Quran bernilai ibadah, hatta mendengar ayat-ayat suci yang dikumandangkan pun dikira berpahala dan beroleh rahmat dari Allah SWT. Firman-Nya dalam Surah al-A'araf, ayat 204:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿٢٠٤﴾

Maksudnya: "Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ
، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا
كباوه دولي يغ مها موليا سري فدوك بكيندا يغ دفرتوان آخوغ وَفَخَّامَةِ الرَّئِيسِ
الأعلى توان يغ تراوتام يغ دفرتوا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ
بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai (*Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Ghafur*) (بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ غَفُورٌ)

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, berpuasa di bulan Ramadhan, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٦٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Dengan Kerjasama
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.